

TAJUK: BARANGAN BUATAN MALAYSIA
LATIHAN 4

Sokonglah Barangan Buatan Malaysia

T
E
M
A

6

Barangan tempatan ialah hasil produk rakyat negara kita sendiri. Antara barangan tersebut termasuklah makanan, pakaian, kenderaan dan hasil kraf tangan.

Harga produk tempatan juga **berpatutan**. Produk tempatan tidak dikenakan **cukai yang tinggi**. Contohnya, harga beg tangan buatan Malaysia lebih murah daripada beg tangan import.

Produk tempatan juga **berkualiti** tinggi. Pengguna tidak perlu ragu-ragu apabila membeli barangan buatan Malaysia. Produk makanan keluaran negara kita dijamin **bersih, suci dan halal**. Produk tersebut menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Produk tempatan dihasilkan mengikut ciri-ciri tempatan yang bersesuaian dengan **cita rasa pengguna**. Misalnya, produk kraf tangan seperti batik, tembikar dan hasil tenunan mempunyai nilai seni yang sangat tinggi berbanding dengan barangan import.

Rakyat Malaysia sewajarnya menyokong hasil keluaran tempatan dengan membeli barangan buatan Malaysia.



Arahan: Berdasarkan artikel di atas, nyatakan kebaikan membeli barangan buatan Malaysia

1. Harga produk tempatan juga _____.
2. Produk tempatan tidak dikenakan _____.
3. Produk tempatan juga _____ tinggi.
4. Produk makanan keluaran negara kita dijamin
_____.
5. Produk tempatan dihasilkan mengikut ciri-ciri tempatan yang
beresuaian dengan _____.